



Customer Advertising Form

Customer Particulars

Full Name as per NRIC : _____

NRIC Number : _____

Address : _____

Moblie Number : _____ Tel : _____

Email : _____

Race : Chinese Indian Malay Other : _____

Business Details

Company Name : _____

SSM Number : _____

Company Address : _____

Contact Number (Tel) : _____ Whatsapp : _____

Email : _____

Nature of Business :

Credit Card / Debit Card Auto Debit Authorization

I hereby authorize Mudah Biz Ads Sdn. Bhd to charge my debit / credit card for the following sums:

- Registration Processing Fee ("RPF") - RM 60 (One-time charge upon signing of this Agreement)
- Monthly Rental Fee - RM 60 (Monthly deductions until termination or expiry of this Agreement)

Card No: _____ Issuing Bank: _____

Card Holder Name: _____ Expiry Month: ____/____

**Customer Signature
& Stamp**

****No Cash Transaction/Tiada Pembayaran Tunai**



I/We declare that:

the particulars stated above are true and correct;

- I/we have read and agree to be bound by the Terms and Conditions set out herein and on the reverse side of this Form;
- I/we the undersigned hereby give my/our consent to Mudah Biz Ads Sdn. Bhd appointed credit reporting agency to disclose my/our credit information to Mudah Biz Ads Sdn. Bhd. for the purposes of determining my/our credit standing;
- I/we have read Mudah Biz Ads Sdn. Bhd. Privacy Notice at <https://www.mudahbiz.com/policy> and consent to the collection and processing of my/our personal information by Mudah Biz Ads Sdn. Bhd in accordance with Mudah Biz Ads's Privacy Notice;
- I/we agree to receive marketing and promotional information about products/services offered by Mudah Biz Ads Sdn. Bhd. and/or which Mudah Biz Ads Sdn. Bhd. believes may be of interest to me/us ("Marketing Messages") by any modes of communication.

| | |
|---|--|
| Customer Signature & Stamp | |
| Date | |
| Sales Person Name | |
| Sales Person Code | |

TERMA DAN SYARAT MUDAH BIZ ADS SDN BHD

1. Laman web ini adalah termaktub dibawah Kod Amalan Pengiklanan Malaysia 2021 yang dilindungi di bawah Akta Hak Cipta 1987.

2. Pemasaran Pangkalan Data ("Database Marketing")

2.1 Pengiklan harus mematuhi segala perundangan perlindungan data yang relevan di mana Garis panduan perundangan tersebut boleh diakses daripada Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (MCMC).

3. Definasi-definisi

3.1. Pengiklanan Peribadi :

Pengiklanan yang dibuat oleh Pengiklan di dalam alaman web kami haruslah seorang yang bukan Bankrap dan mampu memasuki kontrak dan pada masa yang sama tidak berniat untuk mendapatkan apa-apa keuntungan daripada pemasaran borong.

3.2 Pengiklanan Profesional :

Pengiklanan yang dibuat oleh penjual/pengiklan profesional yang tidak memiliki syarikat berdaftar akan tetapi, pada masa yang sama, pihak kami memegang hak untuk mengklasifikasikan sama ada Penjual tersebut tergolong di dalam golongan Penjual Profesional atau tidak.

Penjual/pengiklan tersebut haruslah seorang yang tidak Bankrap.

3.3. Pengiklanan Syarikat :

Syarikat yang bertanggungjawab di sebalik pengiklanan syarikat tersebut harus memiliki syarikat berdaftar di bawah Suruhajaya Syarikat Malaysia (SSM).

3.4. Pengiklanan :

Pengiklanan yang dibuat harus dibuat oleh Pengiklan yang mempunyai kepentingan terhadap pengiklanan tersebut yang seharusnya membuat pengiklanan tersebut. Pengiklan tidak dibenarkan untuk mengiklan bagi pihak ketiga di dalam laman sesawang ini.

3.5. Tajuk Iklan :

Tajuk Iklan harus dihuraikan secara ringkas dan padat yang mana ianya harus mengandungi maklumat-maklumat penting berkenaan iklan yang ingin dipaparkan pada laman sesawang kami.

3.6. Penerangan untuk Iklan :

Iklan tersebut harus mengandungi huraian yang tidak mengelirukan pengguna dan pada masa yang sama tidak meniru huraian iklan yang sedia ada di pasaran. Perkataan carian yang akan digunakan untuk mencari produk atau perkhidmatan yang diiklankan tidak boleh merujuk kepada sebarang perkataan yang terlarang ataupun jenama yang terkemuka di pasaran.

3.7. Bahasa Pengiklanan:

Bahasa yang dibenarkan untuk pengiklanan di laman sesawang kami adalah, Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris sahaja.

4. Syarat-syarat Pengiklanan:

4.1. Harus Mematuhi Undang-undang Malaysia

Setiap satu perkhidmatan pengiklanan di laman web ini harus mematuhi setiap segi undang-undang Malaysia, common law atau statut yang mana iklan-iklan tersebut tidak boleh menyebarkan amalan perdagangan palsu.

4.2. Hanya Dibenarkan Mengiklankan Satu Produk / Perkhidmatan pada Setiap Satu Pengiklanan.

4.3. Link:

Pengiklan hanya dibenarkan memasukkan link yang berkenaan dengan produk atau perkhidmatan yang diiklankan.

4.4. Imej

Pengiklan boleh memuatnaik imej yang berkaitan dengan apa yang diiklankan sahaja.

a) Pengiklan adalah tidak dibenarkan untuk memasukkan imej yang telah digunakan oleh Pengiklan yang lain;

b) Pengiklan adalah tidak dibenarkan untuk memasukkan imej kanak-kanak di dalam pengiklanan di dalam laman sesawang kami;

c) Sebarang tera air pengiklanan harus mengandungi maklumat orang yang mengiklankan iklan tersebut bersama-sama harga produk yang diiklankan (sekiranya ada);

d) Pengiklan adalah tidak dibenarkan untuk mengandungi sebarang imej yang dikolaj, iaitu mengandungi beberapa imej yang disatukan di dalam iklan tersebut;

e) Imej tersebut haruslah jelas dan berada pada saiz yang sederhana dan tidak terlalu kecil.

4.5. Item yang Asal dan Bukan Tiruan

a) Produk yang diiklankan haruslah tulen/asal dan bukan tiruan yang diambil daripada jenama yang lain yang sudahpun berada di pasaran seperti yang tertakluk di bawah Akta Hak Cipta 1987.

b) (Add on) Pengecualian pada Perenggan 4.5.

(a) :Adalah dengan syarat bahawasanya apa-apa pengeluaran semula yang diiklankan haruslah dengan persetujuan Pemunya Hak Cipta.

**** Please provide a "pop-up" click-wrap agreement over here which states as follows:-**

" Pihak Mudah Biz sesungguhnya memegang hak untuk menamatkan Kontrak dengan pihak Pengiklan (meskipun pembayaran terhadap pengiklanan telah dibuat) untuk menamatkan dengan serta-merta

Kontrak sekiranya pihak kami menerima sebarang bentuk Aduan daripada mana-mana pihak dan/atau Pengguna berkenaan iklan yang diiklankan di laman web kami. "

Sila klik "setuju" sebelum anda melayari terma-terma dan syarat-syarat yang seterusnya.

4.6. (Amended) Iklan Umpanan

Iklan yang dibuat haruslah berlandaskan tawaran realistik yang mengikut harga pasaran semasa dan bukan sekadar umpanan yang hanya mengelirukan Pengguna dan adalah ditekankan disini bahawa

TERMA DAN SYARAT MUDAH BIZ ADS SDN BHD

sebarang bayaran ansuran atau wang pendahuluan tidak dibenarkan sama sekali.

4.7. Bidaan dan/atau Lelongan

Laman sesawang ini tidak membenarkan sebarang pengiklanan yang berunsur bidaan mahupun lelongan.

4.8. Terma dan Syarat Berkenaan Haiwan Peliharaan

Haiwan yang diiklankan di laman sesawang kami harus berlandaskan peruntukan di bawah Akta Binatang 1953.

4.9. Iklan yang Mengandungi Kandungan Tidak Sopan

4.9.1. Segala iklan yang diiklankan menerusi laman sesawang ini harus mematuhi syarat Kesopanan yang mana setiap satu kandungan iklan tidak seharusnya mengandungi kenyataan atau gambar visual yang melanggar kesopanan yang lazim di dalam kalangan mereka yang berkemungkinan terdedah kepada iklan tersebut.

4.9.2. Menurut Mukadimah Kod di bawah **Kod Amalan Pengiklanan Malaysia 2021** setiap satu iklan yang diiklankan tidak boleh mengaitkan mana-mana satu kaum, etnik atau jantina dengan pekerjaan, nilai tradisional dan latar belakang tertentu.

4.9.3. Pengiklan juga tidak dibenarkan mengiklankan sebarang produk atau perkhidmatan yang terlarang di sisi undang-undang Malaysia dan juga di sisi prinsip yang dipegang pihak kami yang mana kami dengan ini menyenaraikan item-item yang terlarang.

Note: The list of prohibited items listed below should be reflected in the said link. However, the said list is deemed not exhaustive.

Senarai item dan/atau produk terlarang untuk diiklankan di laman sesawang Mudah Biz Ads Sdn. Bhd. seperti berikut :-

Di bawah **Lampiran 3A** di bawah **Garis Panduan Mengelakkan Iklan Palsu di bawah KPDN**, senarai barang / perkhidmatan yang tidak boleh diiklankan adalah seperti berikut:

- a) Rokok, tembakau dan pelengkapannya;
- b) Sebarang barangan bagi tujuan menipu atau mengeliru yang ditegah di bawah Akta Perkhidmatan Pos 1991 (Akta 465);
- c) Ilmu ghaib dan penilikan;
- d) Agensi perkahwinan dan kelab-kelab persahabatan;
- e) Agensi pekerjaan tanpa lesen;
- f) Sebarang bentuk perjudian termasuk petunjuk-petunjuk pertarungan dan perjudian;
- g) Pakaian yang dicetak dengan perkataan atau lambang mengandungi mesej yang tidak elok;
- h) Adegan-adegan yang bercorak seksual atau tidak sopan termasuk cumbuan antara orang dewasa;
- i) Adegan-adegan yang menunjukkan seks eksplisit atau tidak sopan;
- j) Pornografi;
- k) Khinzir, produk-produk dan terbitan-terbitan daging khinzir;
- l) Pertarungan dan perjudian;
- m) Bunga api;

Nota: Walaupun pengiklanan sebenar produk ini dilarang, ianya tidak menimbulkan masalah dengan menggambarkan bunga api dalam iklan yang berkaitan dengan lain-lain produk dan perkhidmatan.

n) Sebarang bentuk spekulasi kewangan bertujuan mempromosi atau menarik minat dalam stok dan syer;

Nota: Hanya iklan berkaitan dengan tawaran awam permulaan (IPO) yang baru dilulus adalah dibenarkan, tertakluk kepada Akta relevan yang diterima pakai.

- o) Kenyataan tentang kematian, kenyataan upacara pengebumian dan simbol pengebumian;
- p) Adegan-adegan disko;
- q) Produk-produk melangsingkan badan sama ada di makan atau disapu; dan
- r) Minuman beralkohol dan arak dan jenama barangan yang berkaitan dengannya.

5. Terma dan Syarat Tambahan

5.1. Pengiklanan Kenderaan:

- a) Pengiklan hanya dihadkan untuk mengiklankan maksimum 2 iklan secara percuma.
- b) Tidak dibenarkan untuk menukar-nukar kenderaan yang telah diiklankan

5.2. Iklan Kenderaan (Aksesori kenderaan):

- a) Dibenarkan mengiklankan satu iklan secara percuma.
- b) Tidak dibenarkan untuk menukar-nukar kenderaan yang telah diiklankan.

5.3. Iklan Bahan Elektronik

- a) Dibenarkan mengiklankan 5 iklan secara percuma.
- b) Sekiranya Pengiklan berminat untuk mengiklankan lebih dari 5 kali, maka, caj akan dikenakan seperti yang tersenarai pada "Listing fee".

(Add on) Please list down the Listing fee in the link.

6. Iklan Pekerjaan

6.1. Iklan kerja tersebut harus mengandungi yang berikut:

- a) Nama syarikat yang berdaftar dibawah SSM;
- b) Nombor talian tetap untuk pengguna menghubungi pengiklan (dibenarkan untuk menyembunyikan maklumat ini jika dikehendaki pengiklan tersebut)

6.2. Pekerjaan yang diiklankan mesti membezakan dengan jelas antara tawaran pekerjaan dan juga kekosongan yang tulen yang mana bakal pekerja tidak perlu membayar sejumlah bayaran untuk mendapatkan maklumat lebih lanjut berkenaan pekerjaan yang diiklankan.

6.3. Perenggan 6.1. adalah termaktub kepada **Seksyen 18 (1) Akta Agensi Pekerjaan Swasta 1981**, yang mana adalah dinyatakan bahawa,

Tiada satu pun Agensi Pekerjaan Swasta boleh mengiklan dalam apa-apa media massa melainkan jika iklan itu mengandungi:

- (a) **nombor lessen Pengiklan**; dan
- (b) **maklumat betul mengenai iklan itu.**

6.4. Amaran berkenaan iklan pekerjaan di laman web ini adalah di mana sekiranya **Seksyen 18 (1) Akta Agensi Pekerjaan Swasta 1981** tidak dipatuhi, maka, pihak kami tidak akan bertanggungjawab dan sebaliknya menegaskan disini bahawa pihak yang mengiklankan iklan perkerjaan tersebut termaktub di bawah

Seksyen 18 (2) Akta Agensi Pekerjaan Swasta 1981.

TERMA DAN SYARAT MUDAH BIZ ADS SDN BHD

7. Iklan Kosmetik

7.1. Setiap pengiklanan yang melibatkan produk kosmetik yang diiklankan pada laman web kami harus berlandaskan **Peraturan-peraturan Kawalan Dadah dan Kosmetik 1984** yang mana pihak yang mengiklankan produk tersebut harus memastikan agar tiada sebarang bahan telarang yang disenaraikan di bawah Senarai Racun Berjadual di bawah **Akta Racun 1952** terkandung di dalam produk kosmetik tersebut.

8. Iklan Supliment Kesihatan

8.1. Pengiklanan berunsur supliment kesihatan harus disertakan dengan kelulusan daripada Lembaga Iklan Ubat seperti yang diperuntukan di bawah **Akta Ubat (Iklan dan Penjualan) 1956** di mana Nombor Serial yang diberi oleh lembaga tersebut seperti **Peraturan 7(2) Akta Ubat (Iklan dan Penjualan) 1956** harus dikemukakan kepada pihak kami sebelum iklan tersebut dibenarkan untuk diiklankan di laman sesawang kami.

9. (Add on) Iklan Makanan & Minuman

9.1. Setiap iklan berkaitan dengan produk makanan dan minuman yang mendakwa bahawasanya kandungan produk tersebut terdapatnya unsur terapeutik atau mempunyai kualiti profilaksis, maka produk tersebut hendaklah tertakluk kepada pemeriksaan terlebih dahulu yang mana iklan-iklan yang berunsur sebegini hendaklah mematuhi **Akta Makanan 1983**, **Peraturan-peraturan Makanan 1985**, **Peraturan-Peraturan Iklan Makanan 2014** dan mana-mana perundangan, peraturan, garis panduan, dan peraturan yang berkaitan yang mentadbir iklan makanan dan minuman, termasuk sebarang pindaan yang dibuat kepada Akta tersebut.

10. (Add on) Penggunaan Logo Halal

10.1. Menurut Garis Panduan Mengelakkan Iklan Palsu di Bawah Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDN) di bawah **Perenggan 6.0**, logo Halal adalah merujuk kepada logo yang dikeluarkan oleh JAKIM / JAIN / MAIN

10.2. Logo Halal yang diiklankan hendaklah jelas menyatakan dan/atau menyenaraikan makanan, minuman, barang/ produk atau perkhidmatan telah pun mendapatkan Sijil Pengesahan Halal Malaysia.

10.3. Logo Halal tersebut juga hendaklah menepati reka bentuk yang didaftarkan di bawah Akta Cap Dagangan 1976 dan spesifikasi yang ditetapkan JAKIM dan bukan sebarang logo Halal.

11. (Add on) Penyalahgunaan Kaum dan Agama

11.1. Setiap satu iklan yang diiklankan di laman sesawang ini hendaklah bebas dari apa-apa unsur yang mampu membangkitkan provokasi 3R (agama, bangsa dan Raja) di kalangan Pengguna secara umum di Malaysia seperti yang diperuntukan di bawah **Akta Hasutan 1970** bersama-sama Akta **Komunikasi dan Multimedia 1998**.

11.2. Penggunaan kitab suci dan/atau mana-mana sumber agama dari mana-mana agama untuk mengaitkannya dengan produk atau perkhidmatan yang diiklankan di laman sesawang kami adalah dilarang.

11.3. Iklan yang mengandungi dakwaan dan/atau tafsiran palsu tentang mana-mana kaum dan/atau ajaran mana-mana

agama yang boleh menimbulkan kekeliruan, ketakutan atau memberi janji palsu kepada Pengguna adalah dilarang.

12. (Add on) Pengiklanan oleh Syarikat Perjudian dan/atau Pertaruhan Berlesen

12.1. Setiap syarikat yang berada dalam Perniagaan Perjudian dan Pertaruhan, hendaklah mematuhi **Akta Rumah Perjudian Terbuka 1953**, **Akta Pertaruhan 1953**, dan undang-undang, peraturan, garis panduan, dan peraturan lain yang berkaitan yang mentadbir iklan perjudian dan pertaruhan termasuk sebarang pindaan yang dibuat kepada Akta tersebut.

13. Laman sesawang kami berhak untuk:

a) Mengeluarkan imej yang telah diiklankan sekiranya pihak kami mendapati bahawa kandungan iklan tersebut tidak mematuhi syarat-syarat yang telah kami tetapkan; dan

b) Pihak kami juga akan mengeluarkan Peringatan menerusi emel dan/atau Whatsapp kepada pihak Pengiklan sebelum mengeluarkan iklan tersebut daripada laman sesawang kami.

** Perenggan 9 ini harus dibaca bersama-sama Kenyataan Persetujuan yang Dipersetujui pihak Pengiklan di bawah Click Wrap perenggan 4.5. (b) dan adalah dimaklumkan bahawa, sekiranya terdapat percanggahan di antara kedua-dua perenggan 9 dan Persetujuan di bawah perenggan 4.5 (b), maka Persetujuan yang telah dipersetujui di bawah Click Wrap Agreement akan menggantikan Perenggan 9 ini.